

Prakata



Dr Mohamad Maliki Bin Osman

Menteri di Pejabat Perdana Menteri,
dan Menteri Kedua Pendidikan
dan Hal Ehwal Luar, dan Pengerusi,
Jawatankuasa Pembelajaran dan
Penggalakan Penggunaan Bahasa
Melayu (MLLPC)

Jauh perjalanan, luas pemandangan. Buku merupakan jendela dunia. Kanak-kanak yang banyak membaca mampu membuka jendela itu agar dapat mengamati dunia dengan lensa yang luas. Ibu bapa, guru-guru dan masyarakat memainkan peranan penting dalam usaha menerapkan amalan dan budaya membaca serta membina kemahiran literasi awal kanak-kanak dari peringkat prasekolah.

Idea menghasilkan Siri Nabil dan Nabilah untuk murid sekolah rendah mula tercetus pada tahun 2015 oleh Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC). Kini, siri bacaan ini dibawa pula ke peringkat prasekolah. Siri Nabil dan Nabilah peringkat prasekolah ini menyajikan bahan bacaan menarik yang mencakupi pelbagai tema seperti pengorbanan, persahabatan dan hubungan kekeluargaan. Teranyam dalam cerita-cerita ini ialah aspek budaya, nilai dan imaginasi.

Saya akur akan peranan teknologi dalam kehidupan kita kini dan pengaruhnya terhadap kanak-kanak. Teknologi telah membuka ruang dan peluang untuk menyemarakkan lagi pembelajaran kanak-kanak. MLLPC telah berusaha untuk menerbitkan siri bacaan ini dalam bentuk cetakan serta bentuk digital yang boleh didapatkan di laman web rasmi MLLPC. Bahan bacaan digital tersebut boleh dimuat turun ataupun diakses pada bila-bila masa sahaja. Selain itu, MLLPC juga menyediakan aktiviti-aktiviti susulan yang boleh dilakukan oleh kanak-kanak bersama ibu bapa mereka. Aktiviti bersama keluarga ini dapat memupuk sikap positif dan berpotensi untuk menanamkan nilai yang baik.

Siri Nabil dan Nabilah yang terbaharu ini tidak akan dapat dihasilkan tanpa usaha dan sumbangan guru-guru prasekolah. Mereka dengan hati terbuka menyahut cabaran untuk melibatkan diri dalam proses penulisan siri bacaan ini. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada para guru yang terlibat. Dengan terhasilnya karya kanak-kanak ini, saya pasti hasil penulisan kreatif untuk kanak-kanak dengan berlatarkan konteks tempatan akan dapat diperkaya. Semoga guru-guru prasekolah terus maju dalam meningkatkan usaha untuk melestarikan bahasa Melayu.

*Mekar sejambak bunga kejora,
Gugur sekuntum di tepi paya;
Marilah sahut seruan negara,
Bangsa membaca bangsa berjaya.*

Pada suatu hari, ibu dan ayah Nabil dan Nabilah mengajak mereka beriadah.



Di Pantai East Coast, Nabilah mengajak Nabil membina istana pasir bersama-sama.



Apabila mereka membina istana pasir,
ombak merobohkan istana pasir itu.
Nabilah mula menangis.



Nabil cuba memujuk Nabilah.





Nabil bercerita tentang Sang Nila Utama yang tidak berputus asa.



Nabil teringat kisah kapal Sang Nila Utama yang hampir karam dipukul ombak.

Nabil dan Nabilah memikirkan cara untuk menyelesaikan masalah ini.



Mereka membina istana pasir mereka jauh dari pantai.



Namun, istana pasir itu dipukul ombak lagi.

A boy and a girl are building a sandcastle on a sandy beach. The boy is kneeling and pouring sand from a yellow bucket into the castle's walls. The girl is standing behind him, wearing a yellow hat and a pink dress. A blue bucket sits on the sand nearby. A large green tree with a brown trunk is on the left, and the ocean with blue waves is in the background under a clear blue sky.

Mereka tidak berputus asa.

The boy and girl are standing next to their completed sandcastle. The boy is on the left, wearing an orange shirt and blue shorts, with his hands on his hips. The girl is on the right, wearing a yellow crown, a purple long-sleeved shirt, and a pink skirt, with her arms raised in a celebratory gesture. The sandcastle is a multi-tiered structure with a central tower and several smaller turrets. The background is a clear blue sky and a sandy beach.

Akhirnya, mereka berjaya membina istana pasir mereka.

